

**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)**

AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 02 OKTOBER 2016

MBSA haramkan polisterina tahun depan

SHAH ALAM – Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menyahut saranan kerajaan negeri untuk mengurangkan penggunaan beg plastik dan menghentikan penggunaan polisterin di Selangor menjelang tahun 2017.

Timbalan Datuk Bandar, Mohd Syukri Mohd Hamin berkata, bagi tujuan itu, pihak majlis telah melaksanakan kempen kesedaran termasuk di bazar-bazar Ramadan beberapa bulan lalu.

"Melalui kempen itu kita terangkan kesan penggunaan polisterin itu kepada peniaga selain menggalakkan penggunaan bekas makanan mesra alam menggalakkan kitar se-



Mohd Syukri (lima kiri) dan Exco Alam Sekitar, Elizabeth Wong bersama penduduk dan peniaga memegang poster sebagai sokongan kepada hasrat kerajaan negeri itu.

mula minyak masak terpakai serta menyampaikan maklumat mengenai hal ehwal kepenggunaan.

"Saya lihat sambutan peniaga amat positif dan mereka menyokong hasrat kerajaan negeri ini," katanya kepada Pemberita ketika ditemui pada

majlis pelancaran program jejajah kepenggunaan dan kitar semula peringkat MBSA 2016 – ke arah Shah Alam bebas polisterin 2017, di Dewan Melati Seksyen 7, di sini kelmarin.

Pada masa sama, menurutnya, MBSA masih menunggu garis panduan baru daripada

kerajaan negeri berhubung dasar dan polisi baru itu.

"Tahun ini kita fokus kepada kempen kesedaran kepada pengguna dan peniaga, namun untuk tahun hadapan kita akan gerakkan penguatkuasaan secara menyeluruh," katanya.